



Tel: +(6)03-21805551 Faks: +(6)03-21805602 <http://www.kl.utm.my>

RUJUKAN KAMI:

UTM.K.01.03.00/10.12/2 ( 30 )

13 Mei 2016

**SEMUA STAF  
UTM KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Wmt. Wbt dan Salam 1Malaysia,

Saudara,

**PEMATUHAN WAKTU BEKERJA STAF UTM KUALA LUMPUR**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif.
3. Seperti yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Pentadbiran Bil.3/2010 **“Penguatkuasaan Peraturan Berkaitan Pematuhan Waktu Bekerja Staf Universiti Teknologi Malaysia“**, staf UTM Kuala Lumpur (UTMKL) adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi waktu bekerja yang telah digariskan. Semua staf juga diminta mengambil maklum berhubung penguatkuasaan peraturan sedia ada iaitu Pekeliling Pentadbiran Bil. 9/2007 mengenai **“Waktu Bekerja Optimum“**.
4. Peraturan mengenai kebenaran untuk meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja di bawah Perintah Am 5 Bab G – Mematuhi Waktu Bekerja, staf adalah dibenarkan meninggalkan pejabat setelah memberi keutamaan dan mengambilkira kepentingan tugas dan perkhidmatan terlebih dahulu dengan mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan bagi tujuan menyelesaikan urusan persendirian dan munasabah tidak melebihi (4) jam sehari dengan mengisi borang atas talian seperti yang telah disediakan oleh UTM. Jika melebihi daripada tempoh maksimum yang ditetapkan, staf adalah dikehendaki mengambil Cuti Rehat atau Cuti Gantian yang berkecukupan.
5. Sesuai dengan arahan Kerajaan supaya sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan dilaksanakan dengan sewajarnya bagi menjamin produktiviti yang tinggi, pihak Universiti telah memutuskan supaya tempoh masa bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi dari Isnin hingga Jumaat dimanfaatkan sepenuhnya bagi urusan pejabat dan operasi kaunter. Tempoh minum pagi yang dibenarkan adalah tidak melebihi 30 minit.
6. Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2007 menetapkan (3) waktu anjal yang perlu dipilih dan staf adalah diwajibkan untuk merekodkan kehadiran bekerja masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam sehari bagi staf akademik.

...2/-



ANUGERAH HARTA  
INTELEK NEGARA 2010  
Kategori Organisasi  
2006, 2009 & 2010



ANUGERAH MERDEKA 2009  
Pencapaian Unggul Akademik dan  
Kesehatan, Sains & Teknologi



ANUGERAH JENAMA  
YANG DIPERCAYAI  
Reader's Digest 2010  
Kategori Universiti

Tempoh Waktu Bekerja WBB				
Isnin hingga Khamis			9 jam	
Jumaat			7 jam 30 minit	
Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin - Khamis	7.30pg - 1.00ptg	1.00ptg - 2.00ptg	2.00ptg - 4.30ptg
	Jumaat	7.30pg - 12.15tgh	12.15tgh - 2.45ptg	2.45ptg - 4.30ptg
WP2	Isnin - Khamis	8.00pg - 1.00ptg	1.00ptg - 2.00ptg	2.00ptg - 5.00ptg
	Jumaat	8.00pg - 12.15tgh	12.15tgh - 2.45ptg	2.45ptg - 5.00ptg
WP3	Isnin - Khamis	8.30pg - 1.00ptg	1.00ptg - 2.00ptg	2.00ptg - 5.30ptg
	Jumaat	8.30pg - 12.15tgh	12.15tgh - 2.45ptg	2.45ptg - 5.30ptg

7. Bagi peraturan Merakam Waktu Bekerja – Mengarah, menolong atau melakukan apa-apa jua perbuatan yang boleh ditafsirkan sebagai kelakuan untuk merekodkan waktu kehadiran (pada mesin perakam waktu) bagi pihaknya atau pihak orang lain adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] yang boleh diambil tindakan tatatertib terhadap kedua-dua belah pihak. Oleh hal yang demikian, semua staf UTMKL adalah ditegaskan agar menghindari kelakuan tersebut demi memelihara nilai integriti Universiti ini.

8. Arahan pematuhan ini adalah selaras dengan usaha Universiti untuk mempertingkatkan integriti, disiplin serta imej staf UTMKL. Semua Ketua Jabatan diminta memantau serta memastikan staf mematuhi peraturan yang berkaitan dan arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**" Berkhidmat untuk Negara kerana Allah "**

Yang benar,

  
**PROF. DR. DURRISHAH IDRUS**  
Pengerah Kampus  
UTM Kuala Lumpur  
b.p Naib Canselor  
☎ : 03-2180 5551

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)  
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
- Pendaftar